

Janji

Rashidah binte Abdullah



Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

Janji

Rashidah Abdullah

PENGENALAN

Berikut merupakan saranan aktiviti pembelajaran untuk mencapai objektif pelajaran yang dirancang. Dalam aktiviti yang disarankan, pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran perbincangan untuk meneliti dan memperdalam pemahaman mereka mengenai cerpen 'Janji'. Dalam aktiviti yang disarankan ini, pelajar berpeluang untuk berbincang dan menyampaikan pandangan serta pemikiran mereka.

OBJEKTIF PELAJARAN	Pada akhir pelajaran, pelajar dapat: <ul style="list-style-type: none">• bertanyakan soalan, menganalisis, menghayati watak-watak di dalam cerpen (kemahiran membaca & bertutur); dan• menceritakan kembali jalan cerita, memberi pendapat tentang nilai-nilai positif yang terdapat dalam cerpen (kemahiran mendengar, menulis dan interaksi lisan).
---------------------------	--

KRITERIA KEJAYAAN	Pada akhir pelajaran, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none">1. membaca dengan jelas dengan nada intonasi yang baik dan penuh penghayatan;2. mengenal pasti tiga watak utama dalam cerpen;3. memberikan bukti daripada teks tentang sifat dan perwatakan tiga watak perdana di dalam cerpen; dan4. mengetengahkan alasan yang kuat (justifikasi) bagi menegaskan pendapat.
--------------------------	---

LANGKAH-LANGKAH PELAJARAN

Langkah-langkah (Pelajaran ini menggunakan platform SLS) - HBL

- Guru membina pelajaran menggunakan templat Pengalaman Pembelajaran Perbincangan dalam SLS.
- Guru menaikmuatkan cerpen 'Janji' di SLS (Lampiran 1) serta rubrik bacaan (Lampiran 2)
- Guru memberikan tugas dalam SLS dan meminta pelajar mendengarkan rakaman pembacaan cerpen 'Janji' (halaman 1 - 4) sebelum meminta pelajar menyambung bacaan secara sendiri dalam talian. (Teater Membaca)
- Pelajar perlu mengimbas bahagian cerpen yang hendak dibacakan kepada kelas semasa Sesi Membaca melalui Adobe, PDFkan dan WhatsApp atau emel kepada guru.
- Guru menyediakan templat penyusun grafik bagi pelajar mencatatkan isi-isi penting dalam cerpen semasa mereka membaca cerpen. (Lampiran 3)

Langkah-langkah (Proses pembelajaran diteruskan dalam kelas) - Secara Bersemuka

Sesi 1: Menilai Bacaan Rakan

- Berdasarkan rakaman bacaan yang dihantar oleh pelajar semasa HBL, guru perdengarkan 2-3 rakaman bacaan pelajar. Dengan merujuk rubrik bacaan yang dinaikmuatkan pada SLS, guru membimbing pelajar menilai mutu bacaan. Guru akan meminta pelajar memberi komen mereka sebelum guru membuat rumusan dan memberi maklum balas beliau tentang mutu bacaan yang baik.
- Seterusnya, dengan menggunakan peranti peribadi (*personal device*) masing-masing, pelajar diperdengarkan beberapa rakaman bacaan teman-teman mereka yang lain dan diminta menilai bacaan tersebut dengan berpandukan rubrik bacaan.
- Sebagai langkah selanjutnya, pelajar digalakkan menilai mutu bacaan masing-masing berdasarkan rakaman yang telah mereka lakukan (*optional-kerja rumah*).

Sesi 2: Mengupas Cerpen (perbincangan tentang plot cerita, nilai, pengajaran, watak, perwatakan)

- Guru meminta pelajar berkongsi tentang butir-butir yang terdapat pada penyusun grafik (Lampiran 1 – tema, latar, konflik, suspens, pengajaran).
- Guru juga meminta pelajar menyenaraikan nilai-nilai positif (prihatin, penyayang, bertanggungjawab, rajin, setia kawan, jujur dsb) yang dikemukakan dalam cerpen 'Janji' dalam SLS. Pelajar perlu berikan bukti dengan merujuk pada cerpen.
- Guru mengedarkan Lampiran 4 (sifat). Pelajar mengenal pasti 3 watak utama dan memberi gambaran sifat mereka berserta bukti daripada cerpen.

- Guru menyediakan tugas yang bersifat DI (Lampiran 5A (aras rendah), 5B (aras atas) untuk pelajar buat sebagai kerja rumah. Tugas ini bersifat ulang kaji dan memberi gambaran kepada guru sejauh mana pelajar telah memahami cerpen yang telah mereka baca.

Sesi 3: Kerusi Panas

- Guru menerangkan kepada pelajar tentang ciri-ciri kerusi panas.
- Guru menggunakan teknik Pemikiran Jelas – Melangkah ke Dalam (*MTV Step inside*) untuk membantu pelajar menguasai teknik mendalami pemahaman dan penghayatan bagi watak serta perwatakan yang akan mereka tonjolkan semasa sesi kerusi panas.
- Guru menyediakan beberapa kad (dengan nama watak tertentu) yang mempunyai soalan-soalan rangsangan (sebagai panduan untuk menjayakan watak) (Lampiran 6). Soalan-soalan rangsangan boleh guru tampal pada kad tersebut.

Sesi 4: Penghasilan

Guru mempunyai pilihan (a atau b) untuk mempelbagaikan produk yang pelajar boleh hasilkan mengikut tahap keupayaan mereka.

a) Penulisan Skrip (berdasarkan babak pilihan pelajar) – Kerja Berkumpulan

- Guru meminta pelajar membuat kumpulan (3 orang satu kumpulan) dan memilih babak daripada cerpen untuk mereka jadikan skrip. Pelajar diberi kuasa untuk memilih babak yang paling mereka gemar dan menukarkan kepada genre yang berbeza.
- Guru menunjukkan satu sampel bagaimana proses pemilihan babak serta transformasi bahasa dilakukan kepada bentuk dialog.
- Kemudian, pelajar akan menaip babak pilihan serta skrip yang telah mereka hasilkan (Lampiran 8_templat skrip)

b) Menulis respons kepada curahan hati watak dalam cerpen – Secara Individu

- Guru menyediakan beberapa kad yang mengandungi luahan hati watak-watak dalam cerpen (Lampiran 9).
- Pelajar diminta memberi respons yang sesuai terhadap luahan hati tersebut.

Lampiran 2 –Rurik Bacaan dan Penghayatan

Nama pelajar: _____
 _____ / 25

Kelas: _____

Tarikh: _____

Markah Dapat:

BAHAGIAN A: Bacaan & Penghayatan

	Kriteria	Cemerlang (9 - 10 markah)	Baik (6 - 8 markah)	Sederhana (3 - 5 markah)	Lemah (1 – 2 markah)
B A C A A N & P E N G H A Y A T A N	SEBUTAN & PENGUCAPAN (10 Markah)	*sebutan hampir sempurna	*satu atau dua kesilapan dalam sebutan	*terdapat beberapa kesilapan dalam sebutan	*terdapat banyak kesilapan yang ketara dalam sebutan
		*pengucapan amat jelas	*pengucapan jelas	*pengucapan agak jelas	*pengucapan jarang sekali jelas
		*menggunakan sebutan baku secara konsisten	*pada umumnya, menggunakan sebutan baku	*sekali-sekala menggunakan sebutan baku	*tidak menggunakan sebutan baku
	KELANCARAN, RENTAK & PENGHAYATAN (10 Markah)	Cemerlang (9 - 10 markah)	Baik (6 - 8 markah)	Sederhana (3 - 5 markah)	Lemah (1 – 2 markah)
		*lancar & kelajuan sesuai	*lancar	*agak tersekat-sekat	*amat tersekat-sekat
		*tekanan dan rentak sesuai *intonasi pelbagai dan sesuai	*satu atau dua kesilapan dalam tekanan dan rentak	*beberapa kesilapan dalam tekanan dan rentak	*banyak kesilapan dalam tekanan dan rentak
	*penghayatan sangat baik *pendengar berasa seronok & teruja untuk membaca novel/cerpen yang dikupas	*pada keseluruhannya, intonasi pelbagai dan sesuai	*intonasi agak pelbagai dan sesuai	*sedikit sahaja kepelbagaian dalam intonasi dan penggunaan intonasi yang sesuai	

BAHAGIAN B: Perkongsian tentang WATAK/KESAN WATAK atau PERISTIWA KEPADA PELAJAR/PENGAJARAN YANG DIRAIH

	Kriteria	Cemerlang	Baik	Sederhana	Lemah
P E N Y A M P A I A N	RESPONS PERIBADI & PERKEMBANGAN IDEA (Tandakan ✓)	*memberikan respons peribadi yang bernas terhadap topik perbualan	*memberikan respons peribadi yang menunjukkan pemahaman terhadap topik perbualan	*memberikan respons peribadi yang mudah sahaja terhadap topik perbualan	*hampir tidak dapat memberikan sebarang respons peribadi terhadap topik perbualan
		*mengembangkan kebanyakan idea secara jelas, koheren dengan menggunakan contoh yang sesuai	*mengembangkan kebanyakan idea secara agak jelas, koheren dengan menggunakan contoh yang sesuai	*mengembangkan beberapa idea secara agak jelas, koheren dengan menggunakan contoh yang sesuai	*hampir tidak mampu mengembangkan idea secara jelas, koheren dengan menggunakan contoh yang sesuai
PEMILIHAN Teks & Dialog (5 Markah)		<i>*Pelajar perlu nyatakan sebab teks dan dialog tersebut menjadi pilihannya untuk dirakam dan diperdengar kepada guru dan teman-teman sekelas.</i>			
KOMEN GURU:					

Lampiran 3 – Penyusun Grafik

Lembaran 3

Nama: _____ ()

Kelas: _____ Tarikh: _____

Penyusun Grafik

Tema
Nyatakan tema cerpen. Jelaskan.

Tajuk Cerpen:



Latar

Konflik



Suspens



Pengajaran
Berikan dua pengajaran yang terdapat dalam cerpen. Jelaskan dengan bukti daripada teks.



Lampiran 4 – Watak, Sifat dan Bukti



Watak: *Zahírah Insyírah*

Sifat:

Bukti:

Sifat:

Bukti:



Watak: *Dr Iman Rusydi*

Sifat:

Bukti:

Sifat:

Bukti:



Watak: *Nora*

Sifat:

Bukti:

Sifat:

Bukti:

Lampiran 5A – Resensi Cerpen

Nama: _____

Tarikh: _____

Kelas: _____

Jumlah Markah: ____ / 25

Tajuk Cerpen	
Nama Penulis	
Penerbit	
Bilangan Halaman	

1. Apakah yang menarik tentang cerpen, 'Janji'? (2 markah)

2. Namakan dua watak utama dalam cerpen, 'Janji'. (3 markah)

3. Terangkan sifat salah seorang watak dalam cerpen ini. Jelaskan sebab kamu memilih untuk berkongsi tentang watak tersebut. (5 markah)

4. Di dalam cerpen ini, terdapat monolog/dialog yang menggambarkan perasaan sedih, marah atau benci. Pilih salah satu daripada monolog/dialog tersebut dan tuliskan di bawah ini. (20 – 50 pp)
(5 markah)

Saya memilih untuk berkongsi tentang monolog/dialog (pilih satu sahaja) dari halaman _____. Ia menggambarkan perasaan _____ watak.

5. Di dalam cerpen ini, terdapat monolog/dialog yang menggambarkan perasaan suka, gembira, ghairah atau teruja. Pilih salah satu daripada monolog/dialog tersebut dan tuliskan di bawah ini. (20 – 50 pp)
(5 markah)

Saya memilih untuk berkongsi tentang monolog/dialog (pilih satu sahaja) dari halaman _____. Ia menggambarkan perasaan _____ watak.

6. Nyatakan pengajaran yang kamu raih setelah membaca cerpen ini. (5 markah)

Lampiran 5B – Resensi Cerpen

Nama: _____

Tarikh: _____

Kelas: _____

Jumlah Markah: _____ / 25

Tajuk Cerpen	
Nama Penulis	
Penerbit	
Bilangan Halaman	

Sinopsis cerita: (160 – 200 patah perkataan)

(25 markah)

Kemukakan perkara-perkara berikut di dalam sinopsis kamu;

- Apakah yang menarik tentang cerpen ini? (2 m)
- Siapakah watak-watak dalam cerpen ini? (3 m)
- Adakah watak-watak tersebut menarik? Jelaskan. (5 m)
- Bagaimanakah jalan cerita cerpen tersebut? (5 m)
- Sebagai pembaca, kamu terkesan dengan peristiwa yang berlaku kepada salah seorang watak dalam cerpen tersebut. Huraikan. (5 m)
- Nyatakan pengajaran yang kamu raih setelah membaca cerpen tersebut. (5 m)

Lampiran 6 – Kad Soalan Rangsangan Kerusi Panas

Dr Iman Rusydi

- Perkenalkan nama, usia, latar pendidikan, pekerjaan dsb.
- kongsi tentang pengalaman mengajar di Sekolah Perempuan Pioneer
- nyatakan pandangan Dr Iman terhadap para pelajarnya seperti Zahrah, Nora, Sally Wong dsb
- kongsi perasaan Dr Iman ketika berjumpa dengan Zahrah Iman setelah sekian lama terpisah

Zahrah

- Perkenalkan nama, usia, latar pendidikan, keluarga, teman-teman sekolah dsb.
- kongsi serba ringkas tentang sifat Zahrah
- nyatakan pendapat Zahrah sama ada penting ada sahabat baik
- ceritakan persahabatannya yang akrab dengan Nora
- ceritakan pengalaman sewaktu mewakili sekolah dalam pertandingan sains peringkat nasional

Nora

- Perkenalkan nama, usia, latar pendidikan, teman-teman sekolah dsb.
- nyatakan serba ringkas perwatakan Nora
- kongsi pendapat Nora cara untuk hidup tenang
- ceritakan persahabatannya yang rapat dengan Zahrah
- nyatakan apa yang Nora perhatikan tentang hubungan Zahrah dan Dr Iman di sekolah

Hajjah Zarina

- Perkenalkan nama, usia, keluarga dsb.
- kongsi serba ringkas tentang harapan Hajjah Zarina terhadap anak-anaknya
- kongsi perasaan Hajjah Zarina tatkala melihat anak gadisnya tidur sambil menggenggam klip rambut berwarna hijau pemberian Dr Iman

Zahrah Iman

- Perkenalkan nama, usia, latar pendidikan, pekerjaan, keluarga dsb.
- kongsi serba ringkas tentang perwatakn dirinya
- kongsi serba sedikit terhadap perasaan adiknya ketika dapat jemputan menghadiri sesi penerimaan sijil merangkap makan tengah hari bersama guru Kimianya
- kongsi perasaan Zahrah ketika berjumpa dengan Dr Iman setelah sekian lama terpisah

Lampiran 7 – Rubrik Kerusi Panas (Rujukan Guru)

Markah/ Kriteria	Lemah (1 – 3m)	Sederhana (4 – 5m)	Baik (6 – 7m)	Cemerlang (8 – 10m)
Isi (10m)	Isi yang kurang relevan dan ada kala menyeleweng.	Isi yang agak relevan.	Isi yang relevan.	Isi yang sangat relevan dan mencukupi.
Penyampaian (5 m)	Penyampaian tidak jelas.	Penyampaian agak jelas.	Penyampaian jelas.	Penyampaian amat jelas.
Kreativiti (5 m)	Dialog yang kurang menarik. Tidak dapat menarik perhatian penonton dengan jawapan.	Dialog yang agak baik dan menarik. Dapat menarik perhatian segelintir penonton dengan jawapan yang agak meyakinkan.	Dialog yang baik dan menarik. Dapat menarik perhatian beberapa penonton dengan jawapan yang meyakinkan.	Dialog yang amat baik dan menarik. Dapat menarik perhatian semua penonton dengan jawapan yang bernas dan meyakinkan.
Jumlah	20 markah			

Rubrik Kerusi Panas (Rujukan Pelajar)

Nama: _____

Tarikh: _____

Markah/ Kriteria	Lemah (1 – 3m)	Sederhana (4 – 5m)	Baik (6 – 7m)	Cemerlang (8 – 10m)
Isi (10m)	Isi yang kurang relevan dan ada kala menyeleweng.	Isi yang agak relevan.	Isi yang relevan.	Isi yang sangat relevan dan mencukupi.
Penyampaian (5 m)	Penyampaian tidak jelas.	Penyampaian agak jelas.	Penyampaian jelas.	Penyampaian amat jelas.
Kreativiti (5 m)	Dialog yang kurang menarik. Tidak dapat menarik perhatian penonton dengan jawapan.	Dialog yang agak baik dan menarik. Dapat menarik perhatian segelintir penonton dengan jawapan yang agak meyakinkan.	Dialog yang baik dan menarik. Dapat menarik perhatian beberapa penonton dengan jawapan yang meyakinkan.	Dialog yang amat baik dan menarik. Dapat menarik perhatian semua penonton dengan jawapan yang bernas dan meyakinkan.
Jumlah	20 markah			

Peserta 1:

Kriteria	Markah
Isi (10m)	
Penyampaian (5 m)	
Kreativiti (5 m)	
Jumlah	

Komen: _____

Peserta 2:

Kriteria	Markah
Isi (10m)	
Penyampaian (5 m)	
Kreativiti (5 m)	
Jumlah	

Komen: _____

Peserta 3:

Kriteria	Markah
Isi (10m)	
Penyampaian (5 m)	
Kreativiti (5 m)	
Jumlah	

Komen: _____

Peserta 4:

Kriteria	Markah
Isi (10m)	
Penyampaian (5 m)	
Kreativiti (5 m)	
Jumlah	

Komen: _____

Peserta 5:

Kriteria	Markah
Isi (10m)	
Penyampaian (5 m)	
Kreativiti (5 m)	
Jumlah	

Komen: _____

Peserta 6:

Kriteria	Markah
Isi (10m)	
Penyampaian (5 m)	
Kreativiti (5 m)	
Jumlah	

Komen: _____

Saya berpendapat bahawa **Peserta Terbaik** ialah _____.

Berikut curahan hati Dr Iman Rusydi. Kamu diminta agar membaca dan berikan respons yang jujur kamu terhadap curahan hatinya. Semoga kamu dapat membantu Dr Iman lebih memahami apa yang sedang berlaku agar beliau lebih berhati-hati dan berupaya menjadi guru yang lebih cemerlang.

Saya Dr Iman. Berusia 34 tahun, masih bujang. Saya baru bertugas di Sekolah Perempuan Pioneer. Saya seronok mengajar pelajar-pelajar di sekolah ini. Rata-rata, pelajar di sekolah ini sangat pintar, rajin, dan berpotensi menjadi pelajar-pelajar yang cemerlang. Saya selalu menggalakkan agar pelajar saya rajin membaca serta bertanya. Saya teruja untuk membentuk pemikiran kritis dalam diri mereka. Saya juga akan mengadakan sesi konsultasi kepada para pelajar saya dengan harapan mereka lebih cekap dalam subjek Kimia.

Dr Iman

Yang ikhlas

SOALAN PERBINCANGAN

1. Nora sahabat yang prihatin. Bincangkan ciri-ciri kawan yang baik menurut kamu.
2. Bincangkan tindakan Dr Iman meminta Zahiran untuk berjumpa di luar bilik guru.
3. Bincangkan dua pengajaran yang terdapat dalam cerpen 'Janji'.

SOALAN JENIS SASTERA

1. Kupas secara kritis keberkesanan penulis dalam pengolahan watak-watak yang dipaparkan dalam cerpen 'Janji'.
2. Berikan penilaian kritis kamu mengenai cerpen 'Janji'. Sejauhmanakah penulis berjaya mengupas mesej yang ingin disampaikan?

EHWAL SEMASA

Janji bermaksud pernyataan kesediaan untuk berbuat dan melakukan sesuatu. Apabila kita berjanji, kita perlu kotakan janji tersebut. Bincangkan perkara-perkara yang boleh dipertimbangkan sebelum kita bersetuju untuk melakukan sesuatu 'perjanjian'.